

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TERAJU Aktifkan myTPB2030 - Platform Aplikasi “One Stop Centre” Layan Diri Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2022 – YB Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) yang juga selaku Pengerusi, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) hari ini telah mempengerusikan Sesi Pelaporan Suku Tahun Kedua Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB2030) kepada pemegang taruh pemain industri. Halatuju 10 tahun pemeraksanaan agenda Bumiputera melalui TPB2030 ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri YAB Dato’ Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 6 Disember 2021 yang lalu.

Sesi pelaporan suku tahun kedua ini menyaksikan pengaktifan platform aplikasi “*one stop centre*” layan diri TPB2030 oleh TERAJU yang membolehkan syarikat pelaksana Bumiputera yang berpotensi untuk turut serta menjadi pemain industri di dalam TPB2030 serta mengakses penawaran pendanaan dan fasilitasi perniagaan dari sektor awam mahupun sektor swasta dan akan digunakan sebagai platform pengoperasian utama TPB2030. Platform yang dikenali sebagai **myTPB2030** boleh diakses pada bila-bila masa di **myTPB2030.com** yang akan membolehkan syarikat pelaksana Bumiputera mendapatkan maklumat dan penawaran terkini daripada TERAJU dan pihak lain serta memaparkan proses permohonan dan kelulusan pada masa sebenar (*real-time*) yang memudahkan syarikat pelaksana merujuk kepada garis masa implementasi dengan pantas dan selamat.

Dalam sesi yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Tugas-Tugas Khas, YB Datuk Mastura Tan Sri Mohd Yazid juga membincangkan penglibatan dan komitmen yang bakal diberikan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dalam mengemudi pencapaian TPB2030 yang disasarkan serta menyelaraskan fungsi, peranan dan keberkesanan pelaksanaan agenda Bumiputera. Komitmen syarikat GLC dan

GLIC dalam membangunkan program-program pembangunan Bumiputera ini dilihat sebagai pemangkin kejayaan pelan halatuju Bumiputera 10 tahun ini.

Selain itu, sesi pelaporan yang diadakan secara berkala ini turut memberi makluman mengenai status terkini pelaksanaan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) yang kini berada di peringkat akhir di mana kementerian dan agensi-agensi di bawahnya akan diberikan peranan dan tanggungjawab dalam memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan kesemua inisiatif Pemerkasaan Agenda Bumiputera (PAB) diselaraskan.

Menurut Datuk Dr Abd Latiff Ahmad “TERAJU selaku pembangun naskhah TPB2030 dan pemudahcara akan membantu industri yang telah dikenal pasti di bawah Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) dan disokong oleh Bidang Keutamaan (PA) melalui intervensi strategik, serta sokongan lain melalui rangkaian ekosistem TERAJU dengan rakan-rakan kolaborasi bermandat Bumiputera. Pelaporan berkala ini adalah bukti ketelusan dan integriti Kerajaan dalam mengemudi halatuju sedekad Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030. Saya mengajak semua pihak yang terlibat untuk bersama-sama komited dalam menjayakan segala yang dirancang dengan iltizam dan semangat untuk menjulang maruah Bumiputera”.

Demi memastikan segala pelan TPB2030 ini mencapai matlamatnya, TERAJU akan terus komited untuk mentransformasikan industri-industri Bumiputera berbekalkan halatuju yang jelas, berdaya-saing dan mampu menyokong anjakan yang diperlukan.

#TAMAT#

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, TERAJU
siti.rozalina@teraju.gov.my | 6019 238 4262
nurulhidayah@teraju.gov.my | 6013 369 5159
nurulainaa@teraju.gov.my | 6010 239 6969

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai organisasi strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, fungsi TERAJU telah diperluaskan sebagai penyelaras utama Agenda sosioekonomi Bumiputera bertrajektori tinggi, melalui tindakan intervensi strategik, inisiatif dan program berlandaskan bidang keutamaan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

TERAJU berperanan menggalakan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik yang berimpak tinggi ke arah menghasilkan ekosistem pembangunan Bumiputera yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

TERAJU turut dipertanggungjawabkan memacu aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, keselamatan sosial dan kelestarian bagi menghasilkan persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.
